

1 Jam 15 Minit



Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak.

1. Antara berikut, manakah merupakan organisasi bermotifkan untung?

- A Perniagaan Afiq Enterprise
- B Koperasi Teguh Maju
- C Majlis Belia Perak
- D Rumah Anak Yatim Permata

2. Rajah 1 menunjukkan perubahan bentuk pemilikan sebuah perniagaan



Rajah 1

Mengapakah Ali mengambil tindakan tersebut

- I Berkongsi kepakaran
 - II Mudah ditubuhkan
 - III Perniagaan berterusan
 - IV Menanggung laibiliti terhad
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


3. Maklumat berikut berkaitan dengan satu bentuk pemilikan perniagaan

- Liabiliti anggota adalah terhad
- Modal perniagaan disumbangkan oleh anggota

Apakah bentuk pemilikan perniagaan tersebut

- A Usahasama
- B Francias
- C Koperasi
- D Perkongsian

4. Rajah 2 berkaitan dengan sektor perniagaan



Rajah 2

Situasi manakah yang menerangkan **M**?

- A Syarikat Perabot Maju Sdn Bhd menjalankan aktiviti eksport perabot jati ke negara Thailand
- B Pak Abu mengusaha tanaman jagung bagi memenuhi keperluan permintaan tempatan
- C Syarikat Travel Citra menawarkan pakej umrah dengan harga berpatutan
- D Puan Rozita menghasilkan kek lapis untuk dipasarkan ke luar negara.

5. Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan.

Puan Anita merupakan pengusaha keropok ikan di daerah Kuala Terengganu. Beliau mempunyai pekerja tetap seramai 25 orang dan jumlah jualan tahunan sebanyak RM400 000.

Apakah saiz dan sektor perniagaan tersebut?

	Saiz	Sektor
A	Kecil	Utama
B	Kecil	Kedua
C	Sederhana	Utama
D	Besar	Kedua

6. Gambar 1 merupakan logo sebuah agensi kerajaan



Gambar 1

Antara berikut, yang manakah peranan agensi tersebut kepada peniaga

- I Memberi pelepasan cukai
- II Mewujudkan kawasan perindustrian
- III Menyediakan kemudahan infrastruktur
- IV Menyediakan pusat perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7. Maklumat berikut berkaitan dengan pengangguran

Perubahan dalam industri secara keseluruhan menyebabkan kemahiran pekerja tidak diperlukan lagi

Apakah jenis pengangguran tersebut?

- A Kitaran
- B Struktur
- C Teknologi
- D Bermusim

8. Antara yang berikut tindakan kerajaan perlu laksanakan untuk mengatasi deflasi?

- I Melonggarkan syarat pinjaman
- II Menurunkan cukai pendapatan
- III Mengurangkan perbelanjaan kerajaan
- IV Meningkatkan kadar faedah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9. Maklumat berikut menunjukkan masalah yang dihadapi oleh sebuah perniagaan

Syarikat Damia Sdn Bhd gagal menyiapkan tempahan yang diminta oleh pelanggan

Apakah faktor dalaman yang menyebabkan perubahan persekitaran tersebut?

- A Ketidakcekapan sumber manusia
- B Perubahan undang-undang
- C Ekonomi meleset
- D Politik yang tidak stabil


10. Apakah ciri-ciri gaya pengurusan Autokratik?

- A Pengawasan minimum terhadap pekerja
- B Pekerja memberi maklum balas kepada ketua
- C Keputusan dan kawalan hanya berpusat pada ketua
- D Keputusan dibuat secara kolaboratif



11. Situasi yang manakah berkaitan dengan ciri objektif bagi jangka masa?
- A Kedai Kek Bakar menetapkan 10 jenis perisa kek bagi perniagaannya
 - B Butik Alya menyiapkan 200 helai baju kurung dalam masa 2 bulan
 - C Warung Pak Mat menganggarkan jualan sebanyak 50 bungkus nasi lemak
 - D Perodua Malaysia mensasarkan jualan sebanyak 20,000 unit dalam negara

12. Rajah 3 menunjukkan situasi dalam titik pulang modal




Rajah 3

Apakah kesan kepada perniagaan jika pengeluaran tidak mencapai kuantiti W?

- A Kos berubah malar untuk pengeluaran
- B Jumlah hasil sama dengan jumlah kos
- C Jumlah kos melebihi jumlah hasil
- D Kos tetap pengeluaran berkurang

13. Rajah 4 berkaitan maklumat jualan sebuah perniagaan



Rajah 4

Apakah kesan daripada pencapaian tersebut?

- A Kecekapan tenaga kerja menurun
- B Berlaku peningkatan dalam keuntungan
- C Kos tetap yang ditanggung semakin meningkat
- D Populariti perniagaan semakin merosot

14. Antara berikut, manakah faktor kemampuan perniagaan bertahan dalam industri?

- I Jaringan
- II Sumber manusia
- III Syer pasaran
- IV Aset tetap

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15. Maklumat berikut merupakan pemacu dalam pencapaian sesebuah organisasi perniagaan


M ialah

- Pernyataan ringkas untuk menjelaskan tujuan utama perniagaan
- Memudahkan pengagihan sumber antara unit

Apakah **M** ?

- A Visi
- B Misi
- C Objektif
- D Hala tuju


16. Maklumat berikut berkaitan sebuah fungsian.



Apakah **K** ?

- A Sumber manusia
- B Pentadbiran
- C Pengagihan
- D Penyelidikan dan pembangunan

17 Rajah 5 merupakan sebahagian tatacara pembelian



Rajah 5

Apakah Y ?

- A Membuat pesanan pembelian
- B Invois diterima daripada pembekal
- C Menerima sebut harga daripada pembekal
- D Memilih harga barang paling murah

18 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah-langkah pembangunan produk baru

- Menerangkan sasaran pasaran dan posisi produk yang dirancang
- Melibatkan strategi harga, produk, pengagihan dan promosi.

Apakah langkah pembangunan produk baru tersebut tersebut?

- A Penjanaan Idea
- B Ujian pemasaran
- C Pembangunan strategi pemasaran
- D Pembangunan produk dan pengujian konsep

- 19 Maklumat berikut berkaitan satu kaedah aplikasi teknologi maklumat dalam perniagaan

- Memasarkan produk dalam talian
- Pelanggan dapat mengetahui maklumat

Apakah kaedah aplikasi tersebut?

- A E-pemasaran
- B E-dagang
- C E-banking
- D E-Government

- 20 Pilih padanan yang betul berkaitan dengan proses aliran komunikasi.

	Enkod	Dekod
A	Terjemahan mesej mengikut kefahaman	Maklumat dicipta melalui cetusan idea
B	Pengolahan idea dalam bentuk grafik	Terjemahan mesej mengikut kefahaman
C	Penggunaan media untuk menghantar mesej	Pengolahan idea dalam bentuk grafik
D	Maklumat dicipta melalui cetusan idea	Penggunaan media untuk menghantar mesej

21. Situasi berikut berkaitan dengan faedah sistem penggajian sebuah perniagaan

M	Pekerja menerima ganjaran berdasarkan jumlah jualan yang diperolehi
N	Pekerja menerima ganjaran pada setiap akhir tahun berdasarkan prestasi perniagaan

Apakah **M** dan **N**?

	M	N
A.	Komisen	Bonus
B.	Upah	Bonus
C.	Upah	Elaun
D.	Komisen	Elaun



22. Antara berikut, manakah merupakan jenis faedah yang layak diterima oleh pekerja?

- A Kemudahan pengangkutan
- B Kemudahan pusat asuhan kanak-kanak
- C Mendapat skim latihan kemahiran berterusan
- D Menyertai program motivasi pekerja

23. Antara berikut, yang manakah merupakan sumber fizikal dalam sebuah perniagaan?

- I Susu sejat
- II Mesin pengadun
- III Perisian Canva
- IV Pelan kedai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


24. Pernyataan berikut merupakan prosedur pengurusan sumber perniagaan

- Perlindungan insurans dan keselamatan
- Penyelenggaraan dan baik pulih secara terancang

Apakah prosedur pengurusan tersebut?

- A Teknologi
- B Manusia
- C Fizikal
- D Pembiayaan

25. Maklumat berikut berkaitan sumber pembiayaan dalaman



Apakah **P**?

- A Simpanan peribadi
 - B Pembiayaan
 - C Pajakan
 - D Rizab
26. Antara berikut, faktor manakah yang akan dipertimbangkan oleh pihak bank untuk meluluskan suatu pinjaman?
- I Tempoh bayaran balik pinjaman
 - II Nilai aset yang dicagarkan
 - III Bilangan rakan kongsi
 - IV Nama perniagaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV
27. Apakah contoh kos tetap bagi perniagaan Roti Frozen Enterprise?
- A Bil utiliti
 - B Tepung gandum
 - C Susut nilai kenderaan
 - D Upah buruh langsung



28. Maklumat berikut diambil dari penyata aliran tunai perniagaan XYZ bagi tahun 2025

Tunai di tangan	RM 60 000
Penerimaan	RM 135 000
Pembayaran	RM 89 000
Susut nilai kenderaan	RM 2 500
Ambilan	RM 3 500

Berapakah baki akhir penyata aliran tunai tersebut?

- A RM 100 000
- B RM 106 000
- C RM 108 500
- D RM 109 500

29. Maklumat berikut diambil dari penyata kewangan syarikat Mo bagi tahun 2025

Modal Awal	RM 80 500
Jualan Bersih	RM 40 720
Kos Jualan	RM 10 255
Untung kasar	RM 30 465
Untung bersih	RM 18 605

Hitung margin untung bersih

- A 23.11%
- B 45.69%
- C 46.77%
- D 61.07%

30. Maklumat berikut berkaitan kelebihan menjadi usahawan

- Mengurangkan kadar jenayah
- Membuka peluang pekerjaan
- Memberikan pelbagai pilihan produk

Kelebihan di atas merujuk kepada?

- A Diri sendiri
- B Keluarga
- C Negara
- D Masyarakat

31. Antara berikut, yang manakah ciri-ciri lokasi yang strategik?

- I Berhampiran dengan pembekal
- II Mempunyai taman rekreasi
- III Berhampiran dengan peruncit
- IV Kawasan yang menjadi tumpuan masyarakat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

32. Apakah yang dimaksudkan dengan stok bergerak perlahan?


- A Stok baharu yang lambat diterima daripada pembekal
- B Stok lama yang tidak terjual
- C Stok yang mengambil masa yang lama untuk dijual
- D Stok yang dijual tetapi bayarannya belum diterima daripada penghutang

33. Antara berikut, apakah kekuatan yang perlu ada dalam diri seorang usahawan

- I Keupayaan membina jenama
- II Kemahiran pembangunan karakter diri
- III Keupayaan mencari peluang dalam perniagaan
- IV Kemampuan dalam menghadapi risiko

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34. Rajah 6 berikut menunjukkan prosedur pendaftaran sebuah entiti perniagaan.



Rajah 6

Apakah **Q**?

- A Menyenaraikan cadangan empat nama yang sesuai
- B Memaparkan papan tanda perniagaan
- C Melantik setiusaha dalam tempoh 30 hari
- D Mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan

35. Antara berikut, yang manakah dokumen yang merekodkan jualan secara tunai ?
- A Keratan cek
 - B Invois
 - C Memo
 - D Bil tunai
36. Antara berikut, manakah sebab penamatan perniagaan boleh berlaku?
- A Perintah mahkamah
 - B Perubahan jenis perniagaan
 - C Perubahan maklumat rakan kongsi
 - D Perubahan alamat perniagaan
37. Antara berikut, pernyataan manakah yang menerangkan fungsi invois (salinan)?
- A Menyatakan jumlah bayaran utiliti
 - B Sebagai bukti bayaran yang telah dibuat
 - C Merekod pembelian secara kredit
 - D Merekod jualan secara kredit
38. Antara berikut, yang manakah merupakan maklumat latar belakang perniagaan dalam penyediaan rancangan perniagaan?
- I Status perkahwinan pemilik perniagaan
 - II Pelan kedudukan perniagaan
 - III Modal memulakan perniagaan
 - IV Nombor pendaftaran perniagaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

39. Mengapakah rancangan operasi penting dalam sesuatu rancangan perniagaan?
- A Menunjukkan pengagihan sumber tenaga kerja
 - B Memberi gambaran aktiviti pengeluaran produk
 - C Menjamin sumber bahan mentah digunakan secara optimum
 - D Meramalkan jualan yang bakal diperoleh sesebuah perniagaan
40. Apakah kepentingan rancangan perniagaan kepada peniaga
- A Menjamin kelulusan pinjaman
 - B Mengelakkan risiko yang timbul
 - C Merancang keperluan sumber perniagaan
 - D Membuat pelaburan untuk sesebuah perniagaan

KERTAS SOALAN TAMAT

